

ISU LUARAN
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN NEGERI JOHOR

NO	ISU LUARAN	KETERANGAN	KESAN TERHADAP ORGANISASI	CATATAN
1	Politik Perubahan kepimpinan tertinggi	Perubahan kepimpinan tertinggi kerajaan memberi impak dan perubahan terhadap dasar sedia ada.	Perubahan dasar serta reformasi sistem kesihatan negara berdasarkan Kertas Putih KKM memberi impak kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.	Dikekalkan
2	Ekonomi 2.1 SST dan Peningkatan harga minyak dunia	Pelaksanaan SST 8% (1 Mac 2024) dan kenaikan harga bahan api global menaikkan kos pengangkutan, logistik, serta bahan pergigian import.	Kenaikan SST dan harga minyak mencetuskan peningkatan harga bahan pergigian, caj penyelenggaraan, dan utiliti secara menyeluruh.	Dikekalkan
	2.2 Caj rawatan yang murah	Caj rawatan yang sangat murah berbanding klinik swasta.	Kesan Positif: Menjamin akses rawatan mampu milik dan mencerminkan tahap kepercayaan awam yang tinggi terhadap perkhidmatan pergigian kerajaan. Kesan Negatif: Kehadiran pesakit yang melimpah menyebabkan peralatan beroperasi melebihi kapasiti. Ini meningkatkan kos penyelenggaraan, risiko kerosakan alatan, dan potensi ketidakpuasan hati pesakit akibat kesesakan.	

NO	ISU LUARAN	KETERANGAN	KESAN TERHADAP ORGANISASI	CATATAN
3	Teknologi dan Infrastruktur 3.1 Media Sosial	Penggunaan media sosial secara meluas dalam kalangan awam dan anggota kesihatan.	Kesan Positif: Penyebaran maklumat menjadi lebih pantas dan carian maklumat yang tepat dapat dicapai dengan mudah. Kesan Negatif: Penyebaran maklumat palsu atau tidak tepat berpotensi menjejaskan imej organisasi. Selain itu, penyalahgunaan media sosial semasa waktu bekerja boleh menjejaskan fokus dan produktiviti anggota.	Dikekalkan dan dikemaskini
	3.2 Syarikat Konsesi	Penyelenggaraan aset dan fasiliti dilaksanakan oleh syarikat konsesi.	Kesan Positif: Juruteknologi dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada tugas pembuatan dentur tanpa perlu melaksanakan kerja penyelenggaraan. Kesan Negatif: Kelewatan syarikat konsesi dalam menyelenggara atau membaiki aset yang rosak boleh mengganggu kelancaran penyampaian perkhidmatan.	Dikekalkan

NO	ISU LUARAN	KETERANGAN	KESAN TERHADAP ORGANISASI	CATATAN
4	Persekitaran Bencana Alam	Peralihan monsun dan risiko bencana alam seperti banjir serta kejadian gempa bumi di negeri Johor.	Kesan Negatif: Bencana alam boleh mengakibatkan kerosakan pada bangunan dan aset, seterusnya menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.	Dikekalkan dan dikemaskini
5	Sumber Manusia	Kekurangan pengisian perjawatan	Kesan Negatif: Peningkatan beban kerja dalam kalangan anggota yang ada berpotensi menjejaskan kualiti perkhidmatan.	Isu baru